

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 9 JULAI 2015 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                                       | <b>Akhbar</b> |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1          | MIMOS kelapan terbaik dunia kategori 'Kerajaan dan Institusi Penyelidikan'                         | Bernama.com   |
| 2          | Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 dijangka tarik lebih 10,000 pengunjung perdagangan | Bernama.com   |
| 3          | 147 karya pelajar seni kreatif UiTM dipamerkan pada pameran Ijazah Bold Alchemize 2015             | Bernama.com   |
| 4          | Kerjasama JPJ-KPDNKK tangani isu aksesori kenderaan haram dijangka bermula tahun ini               | Bernama.com   |
| 5          | Gempa bumi lemah 3.1 skala richter landa Ranau pagi tadi                                           | Bernama.com   |
| 6          | Gempa bumi sederhana landa pantai barat Sumatera Utara                                             | Bernama.com   |
| 7          | Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga ahad                                              | Bernama.com   |
| 8          | Radiation safety at Lynas plant fully enable                                                       | The Star      |



## Mimos Kelapan Terbaik Dunia Kategori 'Kerajaan Dan Institusi Penyelidikan'

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Kedudukan Mimos Berhad (Mimos), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, telah meningkat ke tangga kelapan dalam kategori 'Kerajaan dan Institusi Penyelidikan' berbanding di tangga ke-12 sebelum ini, menurut laporan 'Patent Cooperation Treaty (PCT) Yearly Review'.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin dalam satu kenyataan berkata peningkatan itu berjaya dicapai oleh Mimos hasil daripada jumlah harta intelek (paten) iaitu 119 yang difailkan di bawah PCT bagi tempoh Julai 2012 hingga Jun 2013.

"Jumlah paten ini menyumbang sebanyak 41.2 peratus kepada keseluruhan IP yang difailkan oleh Malaysia pada 2014. Sumbangan Mimos ini juga telah membantu Malaysia mengekalkan tempat keempat (tahun 2013 dan 2014) dalam kategori 'negara berpendapatan sederhana'.

"Tidak boleh dinafikan bahawa kedudukan ini akan memberi impak positif kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang berinovatif di kaca mata dunia," katanya di sini hari ini.

-- BERNAMA



## Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 Dijangka Tarik Lebih 10,000 Pengunjung Perdagangan

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Persidangan dan Pameran BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung perdagangan, 250 pempamer termasuk sebuah pavilion antarabangsa dari Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang melibatkan perbadanan multinasional (MNC), badan dan agensi kerajaan.

Acara tiga hari yang bermula pada 17 Ogos, 2015 itu juga dijangka disertai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari kesemua negara anggota ASEAN, yang akan mengetengahkan produk inovatif dan perkhidmatan.

Persidangan dan pameran itu juga akan membuka peluang perniagaan yang besar, yang mempunyai potensi ekonomi luas untuk rantau ini, kata Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp).

Acara tahun ini yang bertemakan 'Bioteknologi ASEAN : Biokepelbagaian kepada Kesejahteraan', dianjurkan bersama oleh [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\) dan BiotechCorp](#), sempena kepimpinan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN 2015.

[Menteri MOSTI Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata acara tahun ini turut memasukkan Bioekonomi ASEAN bagi menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan bio serta menyebarkan manfaat ekonomi di rantau ini.

BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 dijangka menggalakkan usaha sama dengan penggiat global dan merangsang inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan matlamat meletakkan Malaysia sebagai kuasa utama Bioekonomi pada masa akan datang.

Tumpuan tahun ini juga adalah ke atas penjagaan kesihatan dan kesejahteraan - fasa berbeza dalam memulihara kebajikan rakyat.

-- BERNAMA





## **147 Karya Pelajar Seni Kreatif UiTM Dipamerkan Pada Pameran Ijazah Bold Alchemize 2015**

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Karya kreatif 147 pelajar Jabatan Reka Bentuk Grafik dan Digital Universiti Teknologi Mara (UiTM) dipamerkan kepada orang ramai pada Pameran Ijazah BOLD Alchemize 2015, yang berakhir Rabu.

Timbalan Dekan Fakulti Seni Lukis dan Reka Bentuk UiTM, Prof Madya Alias Yussof berkata pameran itu, yang bermula pada 3 Julai di Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), menjadi bukti ketekunan dan kerjasama antara pelajar semester akhir dan pensyarah dalam menghasilkan karya berkualiti tinggi, setanding dengan yang tedapat di pasaran sedang muncul.

"Ini merupakan suatu kerjasama antara UiTM dan [Majlis Rekabentuk Malaysia \(MRM\)](#) dan kami berazam untuk mengukuhkan lagi kerjasama ini untuk terus memperkenalkan pereka bentuk muda kami yang berbakat besar, bukan sahaja untuk pasaran tempatan, tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya pada majlis pelancaran dan perasmian penutup pameran itu Rabu.

Alias berkata BOLD bukan sahaja berjaya mendedahkan reka bentuk grafik kepada orang ramai, tetapi juga dilihat peserta industri tempatan sebagai platform penting untuk mengenal pasti bakal pekerja mereka.

-- BERNAMA



## Kerjasama JPJ-KPDNKK Tangani Isu Aksesori Kenderaan Haram Dijangka Bermula Tahun Ini

ALOR SETAR, 8 Julai (Bernama) -- Kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam membanteras lambakan aksesori kenderaan tidak mengikut spesifikasi, dijangka bermula dalam tahun ini.

Ketua Pengarah JPJ Datuk Ismail Ahmad berkata buat masa ini pihaknya telah mengadakan mesyuarat dengan KPDNKK bagi membincangkan isu berkenaan.

"Kita telah adakan mesyuarat, tapi dari segi pelaksanaan bersepadu kita belum lagi, insya-Allah tahun ini boleh mulakan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Berbuka Puasa di pejabat JPJ Alor Setar di sini malam tadi.

Beliau berkata kerjasama JPJ dan KPDNKK adalah satu bentuk kerjasama yang cukup baik supaya penguatkuasaan undang-undang jalan raya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Ini adalah kerana terdapat 25,000 kedai aksesori kenderaan di seluruh negara, ditambah dengan lebih 24 juta kenderaan di atas jalan raya dan ini menyukarkan penguatkuasaan di peringkat pemilik kenderaan, katanya.

Media sebelum ini mendedahkan mengenai isu lambakan penjualan aksesori kenderaan dan alat ganti kenderaan yang tidak menepati spesifikasi ditetapkan seperti cermin gelap dan lampu High-Intensity Discharge (HID).

JPJ kemudiannya mencadangkan agar diberikan kuasa untuk membanteras penjualan aksesori berkenaan tetapi KPDNKK baru-baru ini menjelaskan ia masih belum bersedia menurunkan kuasa penguatkuasaan berkenaan kepada JPJ.

Sebaliknya KPDNKK mencadangkan operasi bersepadu antara kedua belah pihak dilaksanakan bagi mengatasi masalah itu.

Beliau menambah, perkara itu dipandang serius pihaknya memandangkan penggunaan barang-barang yang tidak mengikut standard piawaian antarabangsa ataupun piawaian diluluskan [SIRIM Bhd](#) menyumbang kepada kadar kemalangan di negara ini.

Pada majlis yang sama, beliau berkata Malaysia perlu mengurangkan indeks kematian akibat kemalangan jalan raya yang kini berada pada 2.6 kepada 2.0 seperti yang dicapai oleh negara maju.



Ismail berkata kedudukan indeks berkenaan pada 2.6 bermaksud kematian rakyat Malaysia bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar ialah 2.6 orang dan angka ini perlu dikurangkan selaras dengan hasrat negara untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Beliau berkata, negara-negara maju kebiasaanya mempunyai indeks kematian 2.0 dan ke bawah yang dicapai menerusi kesedaran pengguna jalan raya yang tinggi, bukan semata-mata kerana rakyat mereka takutkan agensi penguatkuasaan dan undang-undang.

Pada tahun lepas katanya jumlah kemalangan yang dicatatkan berjumlah 480,000 kes dengan 6,674 kematian melibatkan kos sosial yang perlu ditanggung kerajaan sebanyak RM9 bilion.

Justeru beliau berkata, pihaknya kini giat memperkasa peranan Skuad Muda Satu JPJ (SMSJ) dengan menyasarkan 500,000 keanggotaannya menjelang pertengahan tahun hadapan daripada 170,000 orang di seluruh negara setakat ini.

"Untuk bergerak dengan berkesan perlukan volume (keanggotaan yang ramai), kerana nak gerakkan ia sebagai satu gelombang kesedaran masyarakat terhadap keselamatan jalan raya," katanya.

SMSJ yang dianggotai sukarelawan bagi membantu petugas JPJ dalam memastikan pengguna mematuhi peraturan jalan raya yang diperkenal Ogos 2013, juga bertindak sebagai kumpulan sokongan kepada JPJ yang kekurangan tenaga kerja dalam memantau lebih 24 juta kenderaan yang didaftarkan di Malaysia.

--BERNAMA



## **Gempa Bumi Lemah 3.1 Skala Richter Landa Ranau Pagi Tadi**

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 3.1 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada 9.47 pagi Rabu.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata pusat gempa terletak di 5.9 darjah utara dan 116.7 darjah timur, 11km selatan dari Ranau.

"Gegaran dirasai di Ranau," kata kenyataan itu di sini, hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia kini memantau perkembangan dan sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan.

Pada 5 Jun lepas, Ranau digegarkan dengan gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter, meragut 18 nyawa pendaki dan malim gunung di Gunung Kinabalu. Susulan itu beberapa gempa bumi lemah turut dikesan berlaku.

Dalam kenyataan berasingan, jabatan itu memaklumkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dengan angin kencang Barat Daya berlaku di kawasan perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah (Pedalaman dan Pantai Barat) serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Kenyataan itu menyebut angin kencang diramal berlaku dengan kelajuan 40-50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut, menurut kenyataan itu.

Jabatan itu turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua dengan angin Barat Daya berkelajuan 50-60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter di perairan Kudat, Phuket, Condore Reef, Layang-Layang, Palawan dan Sulu.

"Ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," kata jabatan itu.

Menurut Jabatan Meteorologi, kesemua amaran keadaan laut itu dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

-- BERNAMA



## Gempa Bumi Sederhana Landa Pantai Barat Sumatera Utara

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter melanda pantai barat Sumatera Utara, Indonesia pada pukul 8.38 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata pusat gempa adalah di 94km dari barat daya Banda Aceh, Indonesia dan 596km dari barat daya Langkawi, Kedah.

Gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA





## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora yang kini melanda perairan Sabah (Kudat) dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini berkata keadaan yang sama turut melanda perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan dan Sulu.

Menurut kenyataan itu, keadaan angin di semua kawasan berkelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dan ketinggian ombak sehingga 4.5 meter.

"Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," katanya.

Jabatan itu turut memberi amaran mengenai angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang berlaku di perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah (Pedalaman dan Pantai Barat) dan Labuan yang dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

"Ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

## Radiation safety at Lynas plant fully enabled

KUANTAN: A review team led by the International Atomic Energy Agency (IAEA) has concluded that all recommendations put forward by a review mission in 2011 on radiation safety at the Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) have been implemented.

In a report on the post-review mission conducted from Oct 13 to Oct 17 last year, the team said radiological risks to the public and to the environment associated with the operation of the plant were intrinsically low.

"This finding does not come as a surprise as this is the case already

### The protection measures provided to the workers were considered satisfactory.

Review team led by the International Atomic Energy Agency

observed in many industries that process naturally occurring radioactive materials (NORM).

"The protection measures provid-

ed to the workers were considered satisfactory and need to be continuously improved by the operator," it said in the report posted on IAEA's website.

It said the Atomic Energy Licensing Board had reinforced its presence at the site by setting up an on-site office.

"The board as well as Lynas have also improved their relationship with different stakeholders by means of the implementation of a diverse range of communication and engagement activities," it said.

However, the review team noted that opposition to the implementa-

tion of the plant's operations still exist among the public although in almost all cases, the fear was not based on scientific evidence.

"Still some misconceptions exist and it has been requested that the IAEA could help in providing scientific-based information to clarify any remaining issue," it said.

The review team added that the board and Lynas were encouraged to enhance even more the transparency of the licensing process by making key documents publicly available on an ongoing basis, in line with common practice in many other countries.